

07/10/2001

Umno tidak berminat berdialog isu negara Islam dengan Pas

Norfatimah Ahmad

KEPALA BATAS: Umno tidak berminat untuk berdialog dengan Pas mengenai isu negara Islam, sebaliknya mahu parti itu mengemukakan pandangan berhubung negara Islam yang mereka ingini, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ini kerana Umno sudah memberi penjelasan mengenai perkara itu (negara Islam), kata Timbalan Presiden Umno.

Beliau berkata, penjelasan Umno itu turut mendapat persetujuan daripada badan tertinggi Barisan Nasional (BN) dan kerajaan tidak akan membuat apa-apa pindaan kepada perlembagaan dan dasar itu akan diteruskan.

"Yang pentingnya, kita perlu memahami bahawa (walaupun Malaysia sebuah negara Islam) ini adalah negara yang memberi tempat kepada semua kaum dan penganut agama lain," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang di Penang Golf Resort di Bertam, di sini, semalam.

Timbalan Perdana Menteri berkata, walaupun agama rasmi Malaysia adalah Islam, rakyat bukan beragama Islam diberi hak menganuti agama pilihan mereka.

Beliau mengulangi bahawa Kerajaan Barisan Nasional (BN) membuka pintu kepada kepimpinan Pas mengeluarkan kenyataan mengenai takrif negara Islam mengikut maksud dan kehuan parti berkenaan.

Malahan, katanya, Badan Tertinggi BN juga bersetuju dengan penjelasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pengisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Berikutan itu, katanya, isu dialog mengenai negara Islam antara Pas dan Umno perlu ditamatkan setakat ini saja.

Sebelum ini, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, pihaknya sedia menyahut cabaran Umno berdialog mengenai takrif negara Islam.

Abdul Hadi yang juga Timbalan Presiden Pas juga mencadangkan supaya Umno boleh menentukan masa dan tempat. Pas sedia hadir tanpa syarat kerana perbincangan ilmiah itu bukan untuk mencari kemenangan tetapi kebenaran.

Menurut Abdullah, kepimpinan BN juga bersetuju untuk tidak menyuarakan atau melakukan sebarang pindaan Perlembagaan berhubung perkara itu dan dasar sedia ada akan diteruskan dari segi pelaksanaan.

"Semua pihak perlu faham, Malaysia adalah negara yang memberi tempat kepada semua kaum dan penganut pelbagai agama, walaupun agama rasmi adalah Islam, tetapi individu yang tidak beragama Islam juga berhak menganuti agama pilihan mereka," katanya.

Beliau berkata, rakyat negara ini yang berbilang kaum dan agama akan terus bekerjasama dan menyumbang ke arah kemakmuran dan membantu kerajaan untuk mewujudkan suasana aman dan selamat di seluruh negara.

Mengenai peluang untuk mendapatkan keadilan, beliau berkata, sistem perundangan dan kehakiman yang terbentuk di negara ini menjamin setiap rakyat untuk menikmati keadilan.

"Sebagai negara Islam, setiap rakyat di bawah pemerintahannya diberi jaminan untuk mendapat keadilan dan pembelaan mengikut hak mereka seperti yang termaktub dan diiktiraf dalam Perlembagaan," katanya.

(END)